



22 JULAI 2019

KENYATAAN MEDIA**PENCEMARAN MINYAK DIESEL DI LRA RANTAU PANJANG****SSP1, SSP2, DAN SSP3**

Pencemaran minyak diesel telah dikesan di loji rawatan air (LRA) Rantau Panjang di muka sauk pada jam 5:45 petang semalam (21 Julai 2019) dan telah dihentitugas serta merta termasuk di LRA SSP1 dan SSP2 pada jam 8.15 malam semalam, manakala LRA SSP3 pula pada jam 8.00 malam semalam. Hentitugas LRA tersebut dipercayai berpunca daripada tumpahan minyak diesel hasil daripada aktiviti pengorekan pasir di Sg. Selangor. Hasil semakan, kontraktor pengorekan pasir tersebut tidak mematuhi syarat-syarat kebenaran bertulis (KB) yang dikeluarkan oleh LUAS.

Ekoran itu, kerja-kerja kawalan tumpahan minyak di kawasan kejadian telah dimulakan pada jam 7.00 malam hingga jam 12.00 pagi tadi. Pemasangan oil boom turut dilakukan di sekeliling pontoon sepanjang 50 meter serta merentasi sungai berhampiran perangkap sampah sepanjang 50 meter. LUAS bersama Kumpulan Semesta SDN BHD (KSSB) turut menggunakan kaedah menabur sabun di permukaan sungai dan oil pad untuk memerangkap minyak di permukaan. Disamping itu, operasi pengepaman daripada air kolam ke Sg. Selangor sebanyak 1182 juta liter sehari (JLH) bagi tujuan *flushing* aliran berminyak ke hilir dilakukan. Pensampelan kualiti air juga telah dilakukan di hulu lokasi kejadian dan di muka sauk. Berdasarkan pensampelan dilakukan sehingga kini, lapisan minyak telah berkurangan bermula pada jam 12.49 pagi.

Laporan polis berkenaan insiden ini juga telah dibuat di balai polis Bestari Jaya pada jam 12.10 pagi. Kesemua LRA yang terjejas telah dioperasikan semula apabila tiada lagi kesan pencemaran di muka sauk. LRA Rantau Panjang mula beroperasi pada jam 2.45 pagi, LRA SSP3 dan SSP2 pada jam 3.15 pagi manakala, LRA SSP1 pada jam 3.30 pagi. Berdasarkan Peraturan 6(1) di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) (Pelesenan) 2013, kegagalan mematuhi syarat lesen boleh



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

LUAS 100-2/1/1 ()

dikenakan penalti tidak kurang RM10, 000 atau penjara tidak kurang 6 bulan atau kedua-duanya sekali serta kompaun sebanyak RM2, 500.

Sehingga kini, LUAS bersama pihak yang terlibat sedang giat melakukan pemantauan statik dalam memastikan tiada baki pencemaran yang tinggal di tempat kejadian.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR